

Angkasa jangka Maccops jana dagangan RM200 juta

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin dapat memacu nilai dagangan kira-kira RM200 juta melalui pengajuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) yang bakal berlangsung pada November nanti.



Melibatkan penyertaan 150 koperasi, karnival tersebut diaturkan bersempena Persidangan Koperasi Sedunia (ICA) 2017.

Presiden Angkasa, Datuk Abd. Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, pengajuran Maccops pada tahun ini bertemakan *'Kesamaan Dalam Kepelbagaian'*.

"Menariknya, penyertaan pada tahun ini bukan sahaja melibatkan koperasi tempatan malah turut disertai koperasi antarabangsa, syarikat swasta dan beberapa agensi kerajaan.

"Maccops merupakan platform terbaik buat koperasi tempatan untuk memamerkan produk dan perkhidmatan



KOSMO (m/s 16) 03/10/2017

mereka ke peringkat antarabangsa," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Abd. Fattah menambah, antara produk dan perkhidmatan yang bakal ditawarkan seperti teknologi, harta tanah, pertanian, kesihatan, perhotelan, kewangan dan makanan.

"Kesemua produk yang ditawarkan perlu mengikut standard yang ditetapkan selain mematuhi kualiti di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Mengenai pengajuran ICA 2017, Abd. Fattah memberitahu, persidangan yang

berlangsung pada 14 hingga 17 November itu menghimpunkan seramai 1,500 perwakilan dari 105 buah negara.

"Daripada jumlah tersebut, 400 perwakilan terdiri daripada pemimpin koperasi tempatan manakala selebihnya merupakan pemimpin koperasi antarabangsa yang mewakili 300 koperasi," ujarnya.

Angkasa merupakan tuan rumah bagi pengajuran ICA 2017 yang diadakan secara serentak bersama Maccops bertempat di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di sini.

Perasmian ICA 2017 dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia